

SHAYKH AHMAD BIN MUHAMMAD ZAINAL-FATANI INTELEKTUAL HUBUNGAN DAKWAH ANTARABANGSA

SHAYKH AHMAD BIN MUHAMMAD ZAIN AL-FATANI
INTERNATIONAL MISSIONARY RELATIONS INTELLECT

*Latifah Abdul Majid

ⁱPusat al-Quran dan al-Sunnah, Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600, UKM Bangi, Selangor Darul Ehsan, Malaysia

*Corresponding Author: Email: umilm@ukm.edu.my

ABSTRAK

Hubungan antarabangsa antara kesultanan Tanah Melayu dengan kerajaan Uthmaniyah telah lama berlaku semenjak kurun ke-18. Namun, kaedah dan tokoh yang memainkan peranan penting dalam jaringan ini tidak dibincangkan secara tuntas. Oleh itu, artikel ini bertujuan meneliti ketokohan seorang ulama pada kurun itu yang mencorak perhubungan tersebut iaitu Shaykh Ahmad al-Fatani. Beliau disebut oleh para sarjana sebagai pemikir Melayu yang pertama menghubungkan secara rasmi sultan-sultan di negeri-negeri Melayu dengan kerajaan Turki Uthmaniyah. Artikel ini juga menganalisis bentuk dakwah dan peranan penulisannya sehingga tersebar di Nusantara khususnya di Malaysia, Thailand, Burma, Indonesia dan Kepulauan Borneo. Metode pengumpulan data adalah menerusi kaedah analisis dokumen dan dianalisis secara tematik. Hasil penelitian menunjukkan bahawa Shaykh Ahmad al-Fatani telah banyak menaburkan jasa dengan berdakwah, menulis, mentashih kitab dan mendidik para pelajarnya sehingga menjadi ulama yang menyebarkan Islam di rantau dunia Melayu dan Arab. Beliau dirujuk oleh para sultan kerajaan Melayu pada zamannya, di samping mempengaruhi corak pemikiran dan pemerintahan mereka dengan penulisan dan gerakan dakwah. Buku beliau telah dicetak dan disebarluaskan sehingga timbul kesedaran kepada sultan dan masyarakat Melayu tentang kepentingan perlaksanaan hukum-hukum Islam dan menentang penjajah Barat di dunia Melayu khasnya dan antarabangsa umumnya.

Kata kunci: Gerakan dakwah, nusantara, al-Fatani, Turki, Daulah Uthmaniyah, Timur Tengah.

ABSTRACT

International relations between the Malay Sultanate with the Ottoman Empire have occurred since the 18th century, however, how the figures that played a key role in

this network were not discussed thoroughly. Therefore, this article aims to examine the character of a scholar in that century who shaped the relationship, namely Shaykh Ahmad al-Fatani. The scholars believed that Shaykh Ahmad al-Fatani is the first Malay intellectuals formally linking the sultans in the Malay states with the Ottoman Empire. This article also analyses the form of da'wah and the role of its writing which spread in the archipelago, especially in Malaysia, Thailand, Burma, Indonesia and the Borneo Islands. The method of data collection is through document analysis and analysed thematically. The results demonstrated that Shaykh Ahmad al-Fatani has many devotional services with preaching, writing, verification of book and educate students to become scholars who transfer knowledge and Islam in the Malay world and the Arab region. He referred to by the sultans of the Malay kingdom in his day, in addition to influencing patterns of thought and their rule by writing and preaching movement. His books have been printed and distributed, which raised awareness to the sultan and the community about the importance of the implementation of Islamic laws and against Western colonialism in the Malay world in particular and the international public.

Keywords: Islamic movement, Malay Archipelago, al-Fatani, Turkey, Ottoman Empire, Middle East, Malay Sultanate.

PENGENALAN

Pada abad ke-16M hingga 18M, Nusantara telah memainkan peranan penting dan mempunyai pengaruh politik juga diplomatik dengan dunia antarabangsa, seperti hubungan dengan Khilafah Uthmaniyyah di Timur Tengah, sebuah pemerintahan Islam yang terkuat ketika itu. Di samping itu, wilayah-wilayah di rantau Nusantara seperti Aceh dianggap wilayah yang terawal menjalinkan hubungan intelektual keagamaan dengan pusat Tamadun Islam di Timur Tengah, khususnya Mekah dan Madinah (Haramain). Perkara tersebut berlaku adalah kerana terdapat wilayahdi Nusantara pada masa itu, yang menjadi tempat persinggahan terpenting bagi para jemaah Nusantara dalam perjalanan mereka pergi dan kembali dari bumi Haramain tersebut.

Implikasi daripada hubungan antara Nusantara dan Timur Tengah itu, menjadikan wilayah berkenaan telah melahirkan ramai ulama atau intelektual Islam, terutama dalam konteks pemikiran tentang keislaman. Sebagai contoh, pada abad ke-16M hingga akhir abad ke-18M ramai para ulama besar yang sangat produktif antaranya ialah Sheikh Hamzah al-Fansuri, Sheikh Shamsuddin al-Sumatrani, Sheikh Nuruddin al-Raniri, Sheikh Ahmad al-Fatani, Sheikh Abdul Rauf Singkel dan lain-lain. Hasil daripada kegigihan para ulama tersebut, cukup banyak karya dan penulisan yang telah mereka tonjolkan dalam pelbagai aspek dan bidang, seperti ilmu fiqh, tafsir dan hadis,

terutama sekali dalam ilmu tasawuf.

Karya-karya mereka itu tidak hanya mempunyai fungsi sosial, politik dan keagamaan, malah ianya sentiasa menjadi bahan rujukan dalam pelbagai tradisi intelektual ketamadunan Islam. Kehebatan tokoh-tokoh ilmuan tersebut yang dijelmakan melalui penulisan dan karya-karya mereka, telah berjaya meningkatkan kegiatan ilmu dan penonjolan Tamadun Islam di Nusantara menerusi para ulama berkenaan. Melalui usaha mereka itu, kebaikan dan ketinggian Islam serta kesesuaianya dapat diperlihatkan, sama ada berkenaan tentang keagamaan, politik, kemasyarakatan, pembangunan atau ekonomi berlandaskan kepada ajaran Islam yang dapat dihayati dan dipraktikkan dengan sempurna dan berkesan.


METODE KAJIAN

Kajian ini adalah berbentuk kualitatif dengan menggunakan kaedah pengumpulan data secara analisis dokumen. Buku-buku, artikel dalam jurnal dan manuskrip berkaitan ketokohan dan perkembangan jaringan antarabangsa ini dirujuk bagi mendapat kesahihan data. Temu bual bersama penyelidik dan pakar manuskrip Melayu iaitu Haji Wan Saghir juga dilakukan. Hasil pengumpulan data inikemudiannya dianalisis secara tematik bagi menjelaskan peranan dan hubungan antarabangsa ini berlaku.

Latar Belakang Ringkas Tokoh

Ahmad bin Muhammad Zain dilahirkan pada 1272H / 1856M di Fatani, yang terletak di selatan Siam dan utara pantai timur Malaysia. Nama lengkap beliau adalah Wan Ahmad bin Wan Muhammad Zain bin Wan Mustafa bin Wan Muhammad bin Wan Muhammad Zainal Abidin bin Faqih Wan Musa bin Hidhir/ Wan Muhammad Salih al-Laqqihi bin Wan Ahmad/Ali Nurul Alam al-Laqqihi. Menurut Wan Mohd Saghir (2000), ibu Faqih Wan Musa al-Laqqihi bernama Wan Maryam binti Shaykh Wan Hussien bin Shaykh Ibrahim al-Hadrami yang tiba di tanah Jawa pada tahun 800 H/1397 M melalui kepulauan Sulu dan Mindanao, meninggal dunia di Tuban pada tahun 829H/1424M dan dimakamkan di Nggesik . Shaykh Ibrahim al-Hadrami pula adalah saudara kandung Shaykh Ali Nurul Alam dan Barakat Zainul Alam. Shaykh Wan Muhammad Shalih al-Jarimi al-Laqqihi al- Fatani (nama lainnya adalah Hidhir) merupakan salah seorang pembesar di Legih dan beliau adalah putera kepada Shaykh Ali Nurul Alam, saudara kandung kepada Wan Abdullah atau Sultan Umdatuddin yang merupakan Sultan Champa pada masa ini. Wan Abdullah mempunyai dua orang putera iaitu Sharif Hidayatullah (Sunan Gunung Jati di Jawa Barat) dan Babullah (Sultan Ternate). Manakala Barakat Zainul Alam adalah ayah kepada Maulana Ibrahim (Sunan Bonang) yang meninggal pada 12 Rabiulawal 882H/1419M dan dimakamkan di Gresik, Jawa Timur. Tiga bersaudara iaitu Ali Nurul Alam, Barakat Zainul Abidin dan Ibrahim al-Hadrami adalah dari Sayid Jamal al-Din al-Kubra.

Salasilah keturunan Shaykh Ahmad bin Muhammad Zainbin



Mustafa bin Muhammad al-Fatani

Sumber: Temu bual Wan Saghir 2009

Jaringan Dakwah dan Diplomatik dengan Timur Tengah dan Turki

Media cetak di dunia Melayu pada zaman sebelum kemunculan Shaykh Ahmad al-Fatani menggunakan huruf batu (litograf). Naskhah yang sering dicetak adalah karya-karya syair dan hikayat. Namun, karya-karya seperti Akidah, Fiqh, Tasawuf dan ilmu-ilmu yang lain, hampir tidak dipedulikan. Justeru, Shaykh Ahmad al-Fatani telah mengambil inisiatif untuk membawa naskhah-naskhah kitab dari Nusantara yang ditulis dalam bahasa Arab dan bahasa Melayu ke Mesir pada tahun 1293H / 1876M bagi mencetak kitab-kitab tersebut. Bagi Shaykh Ahmad al-Fatani keperluan untuk mencetak kitab-kitab Jawi sangat mendesak kerana ia adalah satu perjuangan untuk menjadikan anak bangsa di Tanah Melayu berkembang ilmunya.

Shaykh Ahmad al-Fatani menyedari tentang dakwah dan kepentingan penulisan ilmu yang tepat agar dapat dilihat oleh generasi Islam akan datang daripada sumbernya yang sahih dan asli. Oleh itu, beliau telah berusaha dengan bersungguh-sungguh dan mencipta huruf-huruf Melayu. Beliau mula mencetak kitab-kitab Melayu

menggunakan huruf jawi.

Shaykh Ahmad al-Fatani merealisasikan sendiri teorinya tentang sejarah itu dengan mengarang buku sejarahnya pertama. Beliau menulis tentang sejarah Daulah Uthmaniyah dalam bahasa Melayu yang bernama *Hadiqat al Azhar wa al-Rayahin*. Dalam buku ini terdapat satu fasa yang khusus tentang Daulah Uthmaniyah bermula dari zaman penubuhannya sampai ke zaman Sultan Abdul Hamid II. Beliau memuji zaman Daulah Uthmaniyah yang meneruskan khilafah Islamiah. Beliau berpandangan bahawa menghormati dan endoakan kebaikan bagi sultan yang memerintah Daulah Uthmaniyah adalah menjadi kewajipan setiap muslim selagi mana sultan itu berada di atas jalan *Ahlu al-Sunnah wa al-Jama'ah*, menghormati para sahabat Rasullullah SAW dan para ulama. Kitab tersebut dicetak di percetakan al-Amiriyah, Mekah al-Mukarramah. Kitab ini dibahagikan kepada para pelajar dan para jemaah Melayu yang mengerjakan ibadat Haji serta Umrah bagi menyebarkan kesedaran Islam dalam kalangan mereka.

Kitab tersebut dianggap sebagai tulisan pertama mengenai sejarah Daulah Uthmaniyah yang ditulis oleh seorang ulama Melayu dalam memberikan kesedaran tentang gerakan Pan Islamisme atau Kesatuan Islam kepada bangsa Melayu (Zaidi Hasan 2009). Shaykh Ahmad al-Fatani amat berkeinginan agar kitab-kitab Jawi Melayu ini dikenali sehingga peringkat antarabangsa. Menurut Eeman Muhammad Abbas (2002:882), pada tahun 1885M, satu persidangan paraulama diadakan di Daulah Uthmaniyah bagi membincangkan isu-isu kepentingan umat Islam seluruh dunia. Shaykh Ahmad al-Fatani hadir ke persidangan tersebut sebagai wakil kepada Sharif Mekah. Kitab *Sabil al-Muhtadin li al-Tafaqquh fil Amr al-Din* dibentangkan dalam persidangan tersebut. Kitab tersebut merupakan kitab yang pertama dicetak di kilang percetakan al-Amiriyah di Mekah itu dihadiahkan kepada Sultan Abdul Hamid. Baginda sangat kagum terhadap isi kandungan kitab tersebut. Oleh itu, baginda mengambil tanggungjawab mengulang cetak kitab tersebut untuk dibahagikan kepada umat Islam yang berada di rantau Nusantara (Eeman Muhammad Abbas 2002).

Namun, menurut Wan Mohd Saghir (2009) kitab yang diketengahkan pada waktu itu ialah kitab *Furu' al-Masail* karya Shaykh Daud al-Fatani bukan kitab *Sabil al-Muhtadin* karya Shaykh Muhammad Arsyad al-Banjari. Menurut beliau, cetakan pertama kitab Jawi adalah *Hidayah al-Salikin*. Kitab *Sabil al-Muhtadin* hanya mewakili cetakan pertama di Mekahal-Mukarramah. Kitab tersebut digunakan oleh Shaykh Ahmad al-Fatani untuk meyakinkan Sultan berkaitan hubungan Kerajaan Turki Uthmaniyah dengan Kerajaan Aceh dan Banjar kerana pada permulaan kitab tersebut ada catatan memuji Sultan Aceh dan Sultan Banjar. Shaykh Ahmad al-Fatani telah mengaitkan hubungan Turki Uthmaniyah dengan kerajaan Aceh dan Banjar yang sememangnya telah wujud sejak zaman Sultan Salim. Bendera Daulah Uthmaniyah pernah berkibar di Kerajaan Aceh dan Sultan Salim pernah menghadiahkan sebuah

meriam tembaga berwarna merah yang dinamakan Meriam Lada Secupak dan Nafiri (terompet perang).

Menurut Zaidi Hasan(2009), berkemungkinan kerajaan Melayu yang pertama memulakan perhubungan dengan kerajaan Turki adalah Kesultanan Aceh. Terdapat catatan yang menunjukkan bahawa raja-raja Aceh seperti Sultan Ala'addin Riayat Shah al-Qahar dan Sultan Mansur Shah telah menghantar hadiah dan telah memperolehi pengiktirafan daripada Sultan Sulaiman al-Qanuni, pemerintah Uthmaniyah di Istanbul. Pada tahun 1567, bala tentera Aceh seramai 20,000 termasuk 400 orang tentera Turki telah menyerang Portugis di Melaka tetapi gagal untuk menembusi kubu pertahanan mereka. Mendengar keterangan yang padat dan jelas daripada Shaykh Ahmad al-Fatani, Sultan Abdul Hamid II berasa sangat gembira dan kagum dengan pengetahuan sejarah beliau serta menghadiahkan sebuah Globe yang besar bertujuan menjelaskan kepada penduduk Mekah khasnya dan umat Islam amnya yang datang ke Mekah tentang peranan dan keprihatinan erajan Turki Uthmaniyah di tengah- tengah masyarakat dunia lainnya. Tentang kedudukan peta jajahan Turki Uthmaniyah dan kedudukan negara musuh-musuh politiknya (Wan Mohd Saghir 2002).

Pengaruh Pemikiran Terhadap Penduduk Nusantara

Penyebaran kitab-kitab tersebut kepada umat Islam dengan menggunakan nama Sultan Abdul Hamid II memainkan peranan penting dalam membina gambaran yang positif tentang baginda yang menjaga Dunia Islam. Pengaruh Shaykh Ahmad al-Fatani jelas kelihatan kepada para jemaah haji Melayu dan para penuntut ilmu diMekah. Ini kerana, setelah menamatkan pengajian dan pulang ke negara masing- masing, mereka melakukan banyak aktiviti dakwah, kebudayaan dan politik. Ramai dalam kalangan mereka menubuhkan persatuan-persatuan dan gerakan- gerakan agama di bandar dan kampung yang menggunakan pendekatan dakwah dan tarbiah untuk memberi kesedaran dan penghayatan Islam yang sebenar serta menghalang serangan penjajah melalui diayah Kristian.

Sebagai contoh, seorang ulama terkenal iaitu Haji Mohamad Yusuf atau lebih dikenali sebagai Tok Kenali pulang ke Kelantan pada tahun 1908 dari Mekah setelah tinggal di sana lebih kurang 22 tahun. Tok Kenali kembali ke Kelantan ketika negeri itu mengalami zaman peralihan daripada pemerintahan Thailand ke bawah pemerintahan British. Pada ketika itu telah wujud usaha untuk menjadikan Kelantan sebagai sebuah negeri di bawah naungan Daulah Uthmaniyah. Usaha tersebut merupakan inisiatif yang dilakukan oleh gurunya iaitu Shaykh Ahmad al-Fatani. Shaykh Ahmad al-Fatani sendiri telah berunding dengan Daulah Uthmaniah supaya membantu Kelantan melepaskan diri daripada kuasa kerajaan Thai dan menyekat Kelantan daripada bernaung di bawah kuasa British pada permulaan abad ke-20M.

Semasa usaha ini beliau telah menghantar Tok Kenali sebagai wakilnya untuk merealisasikan cita-cita ini (Ermy Azziaty Rozali 2009:30).

Sejarah dan hubungan politik memainkan peranan yang sangat penting dalam menyatukan Kesatuan Islam dan membina kemajuan umat secara bersama, samaada di timur atau di barat. Shaykh Ahmad al-Fatani menggunakan hubungan dan kedudukannya dalam kerajaan Turki Uthmaniyah dengan meminta bantuan kerajaan Turki untuk membebaskan dunia Melayu daripada cengkaman penjajah (Mohd Nasir Awang Noh 2002).

Bermotivasi dengan Kemajuan Turki

Selain daripada hubungan sejarah dan politik, Shaykh Ahmad al-Fatani membuat pemerhatian tentang kemajuan serta kaedah pendidikan yang terdapat di Istanbul dan Mesir. Sultan Abdul Hamid II yang ditemui oleh Shaykh Ahmad al-Fatani di Istanbul, disifatkan beliau sebagai Pembina Tamadun Dunia Islam. Baginda membina jalan-jalan kereta api dan memasang talian telegraf. Jalan keretaapi bertambah tiga kali ganda di zaman baginda sementara jalan bertambah enam kali ganda. Tidak hairanlah apabila surat Shaykh Ahmad al-Fatani kepada Sultan Kelantan pada tahun 1906 menyebutkan tentang kereta api, telegraf, elektrik dan beberapa alatan sains. Sultan Abdul Hamid II juga merupakan seorang ahli fotografi yang gigih. Baginda banyak mengambil gambar-gambar pembinaan pada zaman baginda. Satu salinan gambar-gambar tersebut disimpan di British Museum dan satu salinan di *Congress Library of America*. Melalui gambar-gambar tersebut, masih dapat dilihat bagaimana madrasah-madrasah dibina sangat cantik serta dihiasi dengan sebaik-baiknya yang ditemui di Istanbul (Zaidi Hasan 2009:64-65).

Mengetuai Gerakan Dakwah

Shaykh Ahmad al-Fatani mempunyai pengaruh yang besar dan jelas terhadap komuniti Melayu di Mekah ketika itu. Pada tahun 1884M, sekumpulan ulama Melayu menubuhkan Ikatan Ulama Patani (*Rabiat Ulama al- Fatani*) di Mekah. Matlamat ikatan ini untuk menyebarkan kesedaran Islam dalam kalangan bangsa melayu secara umum, melalui percetakan buku-buku Islam. Shaykh Ahmad al- Fatani terpilih sebagai ketua ikatan ini dan bertanggungjawab tentang hubungan dengan Daulah Uthmaniah. Berita tentang Shaykh Ahmad al-Fatani, sebagai seorang yang dipercayai tentang keilmuan dan kecintaannya terhadap Daulah Uthmaniah serta usahanya terhadap Kesatuan Islam (Pan Islamisme) telah sampai ke pengetahuan Sultan Abdul Hamid II. Oleh yang demikian, Sultan Abdul Hamid II telah melantik Shaykh Ahmad al-Fatani sebagai ketua bahagian Melayudi kilang percetakan al-Amiriyah di Mekah.

Demi untuk menyebarkan kesedaran Islam yang terancang, Shaykh Ahmad al-

Fatani telah merangka gerakan dakwah dengan menghantar beberapa orang pelajarnya ke Kesultanan Melayu. Beliau telah menghantar Shaykh Muhammad Sa'id bin Shaykh Jamal al-Din al-Naqiy al-Sembilani kepada Sultan Zainal Abidin III di Terengganu dalam usaha gerakan Pan Islamisme yang dipelopori oleh Sultan Abdul Hamid II Khalifah Daulah Uthmaniyah. Shaykh Ahmad al-Fatani dikatakan memberi perhatian khusus kepada Sultan Zainal Abidin III. Ini dapat dilihat apabila Shaykh Ahmad menyebut kelebihan-kelebihan Sultan Zainal Abidin III berbanding dengan pemerintah Melayu yang lain. Sementara Sultan Zainal Abidin III pula membahaskan diri baginda sebagai ayahanda apabila berhubung dengan raja-raja Melayu yang lain. Kenyataan Shaykh Ahmad itu membayangkan Sultan Zainal Abidin III bakal menjadi ketua gabungan negeri Patani, Terengganu dan Kelantan. Hubungan Shaykh Ahmad dengan para Sultandi Tanah Melayu ini adalah satu hubungan yang tidak asing lagi.

Melalui surat-suratnya beliau menjawab permasalahan sultan-sultan Dunia Melayu seperti Sultan Patani, Sultan Kelantan, Sultan Terengganu, Sultan Kedah, Sultan Johor, Sultan Pontianak dan Sultan Sambas. Shaykh Ahmad al-Fatani sebagai tempat rujuk dan tempat para Sultan meminta nasihat dan pendapat. Ini dapat dibuktikan melalui surat-menjuratnya dengan para Sultan tersebut (Wan Mohd Saghir 2000 : 46-47).

Menentang Penjajahan

Shaykh Ahmad al-Fatani bersama-sama dengan rakan-rakan ulama Melayu yang lain serta pelajar-pelajarnya berusaha bertungkus lumus untuk menyebarluaskan kesedaran Islam dan kefahaman rancangan kesatuan Islam kepada umat Islam di kawasan Melayu Raya. Bangsa Melayu menyimpan rasa penghormatan dan mengasihi Daulah Uthmaniyah. Orang Melayu menyakini bahawa orang-orang Uthmaniyah mampu melindungi dan menyelamatkan mereka daripada penjajah Barat.

Shaykh Ahmad al-Fatani juga bercita-cita untuk mendirikan kerajaan Melayu Islam yang merangkumi Fatani, Kelantan dan juga Terengganu. Manakala di Kemboja, beliau menganjurkan orang Cam di Kemboja untuk mendirikan negaramereka sendiri. Beliau juga menggalakkan orang Cam menuntut ilmu ke Mekah. Bagi menaikkan semangat umat Islam di Kemboja, beliau mengirimkan muridnya iaitu Tok Kenali dan Haji Sulong. Haji Sulong nyaris ditangkap oleh pihak berkuasa Perancis atas tuduhan menjadi ejen perisik Daulah Uthmaniyah. Beliau sempat disembunyikan oleh masyarakat Cam di Kemboja, lalu beliau pulang ke Fatani (Ermy Azziaty Rozali 2009).

Penglibatan murid-murid Shaykh Ahmad al-Fatani dalam meyebarkan gerakan Pan Islamisme membuktikan respon alam Melayu terhadap autoriti yang dimiliki oleh Daulah Uthmaniyah selaku kuasa besar Islam ketika itu. Di samping itu, situasi alam

Melayu pada waktu sama menjadi pemangkin terhadap gerakan Pan Islamisme. Respons terhadap gerakan Pan Islamisme yang dipimpinoleh Shaykh Ahmad al-Fatani di rantau Melayu Raya telah menyebabkan berlaku kebangkitan menentang British di Pasir Puteh, Kelantan. Kebangkitan ini dipimpin oleh Haji Mat Hassan bin Panglima Munas atau lebih dikenali sebagai Tok Janggut. Haji Mat Hassan pernah berguru dengan Shaykh Ahmad al-Fatani sewaktu menuntut ilmu di Mekah.

Kebangkitan di negeri yang dikenali sebagai negeri Serambi Mekah amat menakutkan British. Pihak British telah menghantar kapal perang H.M.S Calmus dan tentera yang lengkap bersenjata untuk melumpuhkan kebangkitan lebih besar di Kelantan dan tempat-tempat lain di Semenanjung. Semasa Pasir Puteh dikepung, Haji Mat Hassan dan pengikut-pengikutnya diburu dan harta benda dirampas. Semasa pertempuran yang berlaku di Kampung Dalam Pupoh, Haji Mat Hassan gugur syahid. Mengikut cerita penduduk tempatan, dalam pertempuran itu dipercayai Datuk Bahaman dan Mat Kilau turut serta dalam membantu menentang tentera British ketika itu. Kejayaan British melumpuhkan pemberontakan itu tidak melemahkan semangat jihad.

Pada tahun 1928M, satu kebangkitan besar berlaku di Hulu Terengganu menentang British di bawah pimpinan Tuan Guru Haji Abdul Rahman Limbong. Ketika kebangkitan ini, bendera Daulah Uthmaniyah dikibar dan jihad diisytiharkan. British berjaya melumpuhkan gerakan kebangkitan itu. Tuan Guru Haji Abdul Rahman Limbong dibuang negeri ke Mekah. Walaupun gerakan kebangkitan ini gagal tetapi ia adalah kesan dan kesinambungan terhadap pemikiran gerakan kemerdekaan yang dipimpin oleh Shaykh Ahmad al-Fatani.

Bimbang dengan kebangkitan jihad, pihak British mula mengawasi umat Islam khususnya guru-guru agama. Agen-agen British ditempatkan di Jeddah untuk mengawasi kegiatan jemaah haji di tanah suci Mekah dan Madinah, kerana bimbang mereka terpengaruh dengan gerakan pemulihan kekhalifahan. Kitab-kitab agama yang berunsur jihad juga diharamkan. Keadaan ini berterusan hingga perang dunia kedua, apabila guru-guru agama di Madrasah Ma'had al-Sharif di Gunung Semanggol, Perak menubuhkan Hizb al-Muslimin pada Mac 1948 untuk menuntut kemerdekaan dan negara Islam serta memperjuangkan pembentukan Komanwel Negara-Negara Islam. Pihak British mengharamkan parti itu di bawah Undang- Undang (1948) (Nik Anuar Nik Mahmud 2009).

Setelah Shaykh Ahmad al-Fatani meninggal dunia, Raja Ali Kelana telah bermuafakat dengan Raja Khalid Hitam untuk meneruskan gagasan yang telah diasaskan oleh guru mereka Shaykh Ahmad al-Fatani. Raja Khalid Hitam dan rombongan telah pergi ke Jepun pada tahun 1912 dan 1913 untuk membincangkan mengenai gerakan kemerdekaan, dan kemudiannya jatuh sakit dan meninggal dunia di Tokyo pada 11 Mac 1914M. Rangkaian daripada kedatangan Raja Khalid Hitam ke

Jepun, pihak Jepun telah menghantar utusan ke Singapura untuk menjelaki keturunan Raja Khalid Hitam dan ingin melihat gerakan kemerdekaannya. Secara kebetulan, utusan itu bertemu dengan Ibrahim Yaakob yang ketika itu sebagai wartawan. Ibrahim Yaakob memanggil sahabatnya Raja Haji Muhammad Yunus yang ketika itu giat untuk mendirikan Kolej Islam di Pulau Penyengat untuk berbincang dengan pihak Jepun. Sewaktu menghadapi perang Asia-Pacific, Ibrahim Yaakob dilantik menjadi Leftenan Kolonel. Setelah Jepun kalah, Soekarno mengisyiharkan kemerdekaan Indonesia pada 1945 dan Tunku Abdul Rahman mengisyiharkan kemerdekaan Malaysia pada 1957. Inilah rangkaian gerakan politik Shaykh Ahmad al-Fatani yang dimulai hubungannya dengan Kerajaan Turki Uthmaniyah (Wan Mohd Saghir 1995: 14).

Hubungan Kerjasama Dengan Pusat Percetakan di Timur Tengah

Shaykh Ahmad al-Fatani mula bekerjasama dengan Shaykh Mustafa al-Babyy al-Halabyy dalam hal penelitian naskhah-naskhah kitab di dalam Bahasa Arab yang hendak diterbitkan sehingga muncul satu istilah yang dicipta oleh Shaykh Ahmad al-Fatani untuk kerja-kerja penerbitan yang disebut sebagai “Tashih” dan “Taslih” yang bermaksud meneliti dan membaiki isi kandungan. Perkataan ini masih kekal digunakan untuk istilah penerbitan karya-karya Islam sampai sekarang. Seiring melaksanakan pekerjaannya itu, Shaykh Ahmad al-Fatani juga berusaha mencari dana untuk menerbitkan kitab Jawi-Melayu sehingga akhirnya beliau memperolehnya daripada seorang saudagar India yang bermukim di Mesir bernama al-Amjad al-Kashmiri Fida Muhammad dan anaknya Abdul Ghani. Kitab yang pertama diterbitkan oleh Shaykh Ahmad al-Fatani ialah kitab *Hidayah al-Salikin* karya Shaykh Abdul Samad al-Falimbani yang dicetak oleh *Matba'ah* Shaykh Hasan al-Thukhi pada tahun 1296H / 1879M berhampiran dengan MasjidJami' al-Azhar.

Oleh kerana Syarif Makkah melarang kemasukan kitab-kitab selain daripada bahasa Arab ke Mekah dan Madinah, Shaykh Ahmad al-Fatani mengirim surat protes (secara diam-diam) kepada Sultan Abdul Hamid II. Sultan telah mengundang beliau untuk datang ke Istanbul bagi membahaskan pemikirannya yang ditulis di dalam suratnya terdahulu (Wan Mohd Saghir 2000).

Shaykh Ahmad al-Fatani secara langsung menemui Sultan Abdul Hamid II untuk mendapat kebenaran bagi tujuan mencetak kitab-kitab Melayu di percetakan Daulah Uthmaniyah di Mekah dan beliau akhirnya dilantik sebagai pentashih kitab bagi kerajaan Uthmaniyah mulai tahun 1884, dan usaha ini berjalan dengan pesatnya. Shaykh Ahmad al-Fatani berjaya menerbitkan lebih 30 buku judul dalam bahasa Arab dan lebih 20 judul dalam bahasa Melayu di percetakan al-Miriyah, Mekah. Aktiviti percetakan kitab-kitab Melayu di Mekah kemudiannya diikuti dengan kerjasama

dengan percetakan di Mesir, Turki dan India. Bahkan jika diperhatikan pada perenggan akhir bagi kitab-kitab Melayu yang dicetak pada era ini akan terdapat doa bagi Khalifah Uthmaniyah yang memerintah. Antaranya kitab Hidayah al-Muta'alim yang dikarang oleh Shaykh Daud al-Fatani yang dicetak pada 1312H.

Kejayaan mencetak kitab-kitab Melayu dengan perkenan Sultan Abdul Hamid II merupakan langkah yang sangat bermakna bagi gerakan dakwah di Nusantara. Ini kerana Daulah Uthmaniyah mempunyai sikap yang terlalu berhati-hati dengan kemudahan percetakan sebelum zaman itu. Shaykh Ahmad al-Fatani dilantik sebagai Ketua Jawatankuasa untuk mengadakan percetakan kerajaan Turki Uthmaniyah (*Matba'ah al-Amiriyyah*). Percetakan di Eropah dan Timur Tengah pada waktu itu sangat maju dengan penggunaan huruf klise timah berbanding dengan huruf cetakan batu (litograf) yang digunakan di dunia Melayu Nusantara. Akhirnya diadakan tiga buah percetakan kerajaan Turki iaitu di Istanbul, Cairo dan Mekah. Pada mulanya ketiga-tiganya bernama *Matba'ah Amiriyyah*, akhirnya disingkatkan dengan nama *Matba'ah al-Miriyyah* sahaja. Shaykh Ahmad al-Fatani mengetuai Jawatan Kuasa Pengadaan *Matba'ah* Kerajaan Turki Uthmaniyah dan setelah itu Ketua Tashih di *Matba'ah al-Miriyyah al-Kainah bi Bulaq* Mesir kemudian berpindah menjadi ketua Tashih di *Matba'ah al-Miriyyah al-Kainah* Mekah sekitar tahun 1300H/1882M.

Sewaktu di Mekah, Shaykh Ahmad al-Fatani membahagikan beberapa bahagian penerbitan iaitu penerbitan Bahasa Melayu menggunakan tulisan Melayu Jawi yang ditugaskan kepada dua orang muridnya iaitu Shaykh Daud bin Ismail al-Fatani dan Shaykh Idris bin Husein al-Kalantani. Bagi karya-karya yang berasal dari Aceh ditugaskan kepada Shaykh Ismail bin Abdul Mutalib al-'Asyi. Perwakilan Mesir ditugaskan kepada Shaykh Tahir Jalaluddin Minangkabau. Bahagian penerbitan di dalam Bahasa Jawa menggunakan huruf Pegon ditugaskan kepada Shaykh Abdul Hamid Kudus. Bahagian penerbitan dalam Bahasa Bugis dengan tulisan Bugis ditugaskan kepada Shaykh Muhammad Amin Bugis. Semua yang ditugaskan tersebut adalah murid Shaykh Ahmad yang khusus dikaderkan untuk tujuan tersebut.

Perkembangan penerbitan kitab-kitab Jawi telah sangat meluas di zaman Shaykh Ahmad al-Fatani sehingga beliau mengambil inisiatif untuk menyuruh murid-muridnya membuka percetakan di Kota Bharu, Kelantan dengan nama Matba'ah al-Miriyyah al-Kalantaniyah. Tujuannya adalah untuk menerbitkan dan mencetak kitab-kitab karya ulama dunia Melayu. Juga diwujudkan Matba'ah al-Miriyyah al-Ahmadiyah di Riau. Murid-murid Shaykh Ahmad telah mengambil nama beliau untuk diletakkan kepada nama percetakan tersebut mengenangkan jasanya sebagai orang yang pertama memperjuangkan penerbitan kitab-kitab secara besar-besaran di Timur Tengah dan kemudiannya ke dunia Melayu. Matba'ah al-Miriyyah al-Ahmadiyah ini juga dikenali dengan nama Matba'ah al-Riyauwiyyah. Juga terdapat Matba'ah Ahmadiyah di Singapura yang menerbitkan kitab-kitab Shaykh Ahmad al-Fatani antaranya kitab Faridah al-Fara'id yang sangat masyhur itu. Salah seorang murid Shaykh Ahmad yang

bernama Shaykh ‘Abdul Mubin (wafat 1367H/1947) telah datang ke Singapura bertemu sahabat-sahabatnya di Matba’ah al-Ahmadiyah, Singapura, mempelajari pelbagai aspek mesin cetak dan perniagaan sehingga Sultan Abdullah Ibnu Almarhum Sultan Muazzam Shah mengajak beliau tinggal di Pahang dan membuka Matba’ah al-Ubdiiyah al-Fataniyah di Beserah, Kuantan Pahang. (Wan Mohd Saghir 2005).

Semua kejayaan tersebut adalah hasil kepercayaan Daulah Uthmaniyah kepada Shaykh Ahmad al-Fatani dalam menerajui penerbitan dan penyebaran kitab-kitab agama ke seluruh dunia Nusantara. Menurut Wan Mohd Saghir kitab-kitab yang dikarang oleh Shaykh Ahmad al-Fatani berjumlah lebih dari 160 buah.

KESIMPULAN

Mengenai ketokohan Shaykh Ahmad al-Fatani, dapat disimpulkan bahawa beliau adalah seorang pemikir agung Melayu yang telah mencapai kedudukan yang tinggi di peringkat nasional dan antarabangsa. Kesimpulan dari perbincanganini dapat dilihat beberapa perkara antaranya ialah beliau adalah pemikir yang pertama menyarankan percetakan kitab-kitab Melayu/Jawi secara besar-besaran dengan mesin cetak melalui hubungan baiknya dengan kerajaan Uthmaniyah dan merupakan ulama yang pertama mengasaskan gerakan yang berstruktur(organisasi) untuk mengkader pelajar-pelajar Melayu di Mekah dengan nama Jamiyat al-Fataniyah. Kemudian, murid-muridnya membuka cawangan di negara masing-masing sekembali mereka daripada belajar di luar negara.

Beliau merupakan ulama Melayu pertama yang mencadangkan supaya kitab-kitab Arab dan Melayu disemak kembali serta diteliti bahasanya sebelum disebarluaskan dan memperkenalkan istilah “Tashih” yang sehingga kini masih kekal digunakan di seluruh dunia Islam.

Diplomat Melayu pertama yang membawa persoalan penjajahan barat ke atas negeri-negeri Melayu di Nusantara kepada kerajaan Uthmaniyah dengan meminta kerajaan Uthmaniyah memberikan sokongan, naungan dan bantuan kepada negeri-negeri Melayu.

Merupakan ulama rujukan sultan-sultan kerajaan Melayu yang dapat mempengaruhi corak pemikiran dan pemerintahan sultan-sultan tersebut dengan tulisan-tulisannya dan gerakan dakwah yang dibawa oleh murid-muridnya. Hasil daripada itu, timbul kesedaran kepada sultan dan masyarakat Melayu tentang kepentingan pelaksanaan hukum-hukum Islam di dunia Melayu dan persediaan perlaksanaan terhadap tujuan tersebut. Seorang ulama pejuang yang anti kepada penjajahan dan berusaha untuk membebaskan dunia Melayu dari cengkaman bangsa asing.

RUJUKAN

- Eeman Muhammad Abbas . 2002. *Sultan ¢Abdul Hamid 2 dan Kejatuhan Khilafah Islamiah.* (Peranan Gerakan Nasionalis & Golongan Minoriti). Kuala Lumpur : Prospecta Printers Sdn Bhd.
- Ermy Azziaty Rozali. 2009. *Pan Islamisme dan respons masyarakat Melayu. Daulah Uthmaniyah dan Alam Melayu.* Shah Alam : Karisma Publications Sdn Bhd.
- Mohd Nasir Awang Noh. 2002. *Sumbangan Shaykh Ahmad al-Fatani terhadap Pemikiran politik Melayu: Satu Kajian terhadap kitab al-Fatawa al-Fataniyah.* (Latihan Ilmiah bagi Sarjana Muda). Universiti Malaya.
- Nik Anuar Nik Mahmud. 2009. *Perang Turki Uthmaniyah dengan Britain (1914) dan reaksi orang Melayu.* Daulah Uthmaniyah dan Alam Melayu. Shah Alam : Karisma Publications Sdn Bhd.
- Suzanna Hj. Osman & Muzaffar Mohammd, 2009. *Ahlu Bait Rasulullah s.a.w & Kesultanan Melayu.* Kuala Lumpur : Power Press & Design (M) Sdn Bhd.
- Wan Mohd Saghir. 1995. *Seminar Antarabangsa Kesusasteraan Melayu Keempat :* Shaykh Ahmad al- Fatani. Anjuran : Dewan Bahasa Dan Pustaka & UKM, hlm.3-5 & 10.
- Wan Mohd Saghir Wan Abdullah. 1998. *Hadiqatul Azhar War Rayahin.* Kuala Lumpur : Khazanah Fathaniyah.
- Wan Mohd Saghir Wan Abdullah.1990. *International Conference For Terminology Planning: Tiga Zaman Pembentukan Istilah Ilmu KeIslamian di Asia Tenggara :* al Alamah Shaykh Ahmad al Fathani Ahli Fikir Islam dan Dunia Melayu,Jil 1, hlm 19-27.
- Wan Mohd Saghir Wan Abdullah. 2002. *Seminar Pemikiran Shaykh Ahmad bin Mohd Zain.* Anjuran :Pusat Pembangunan Pondok Berhad dengan kerjasama Dewan Bahasa Dan Pustaka, hlm 26.
- Wan Mohd Saghir Wan Abdullah. 2005. *Wacana Shaykh Ahmad al- Fatani- Pemikir Agung Melayu dan Islam.* (Siri ke-5).Anjuran : Persatuan Pengkajian Khazanah Klasik Nusantara & Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Kelantan. hlm 2-10.
- Wan Mohd Saghir Wan Abdullah. 2005. *Wacana siri ke-3 Sanad Keilmuan Shaykh Ahmad al-Fatani dengan ulama' Selangor.* Anjuran : Persatuan Pengkajian Khazanah Klasik Nusantara (Pengkaji).
- Zaidi Hasan. 2009. *Kitab Hadiqat al-Azhar wa al-Rayahin dalam konteks hubungan alam Melayu dengan kerajaan Uthmaniyah.* Daulah Uthmaniyah dan Alam Melayu. Shah Alam : Karisma Publications Sdn Bhd.
- Temu bual Wan Mohd Saghir Wan Abdullah, tarikh Julai 2009.